


Primadona ceriakan makyung semakin menghilang

**Prof Madya
Dr A S Hardy
Shafii**



**Pensyarah Kanan Pusat Pengajian
Seni, Universiti Sains Malaysia
(USM)**

Makyung adalah tarian Melayu memaparkan kombinasi tarian, muzik, drama dan komedi dipercayai berasal dari Bukit Sekam, Patani sejak kurun ke-16.

Ketika itu kerajaan Patani cukup gemilang sebagai antara pusat budaya paling aktif dan kaya dengan kesenian Melayu di wilayah Nusantara.

Persembahan makyung dalam bentuk teater tradisional, begitu popular dan dihargai masyarakat Melayu ketika itu. Ia bukan sahaja dipersembahkan di Patani, malah melebar ke Kelantan dan Terengganu serta berkembang sehingga Sumatera dan Riau di Indonesia.

Aktivis makyung di Riau juga mengakui kesenian makyung da-

tang dari Patani dan mempengaruhi bentuk persembahan itu. Cuma diberi kelainan persembahan seperti penambahan topeng, jenis cerita serta lengkok lagu dan tarian yang sedikit berbeza daripada makyung yang dimainkan di Malaysia sehingga kini.

Namun, apa yang menarik mengenai makyung di selatan Thailand ialah kemunculan pelawak wanita yang dipanggil 'peran' dalam persembahan itu.

Peran adalah watak lucu dalam persembahan makyung tidak terdapat di Kelantan, Terengganu mahupun di Riau, Indonesia.

Che Som atau nama sebenarnya Jehsong Samae antara nama popular pemain watak peran dalam makyung di Patani.

Ketika ditemu bual pada Julai 2019, Che Som mengakui tiada isu bagi wanita untuk membawa watak itu kerana berlakon dalam kalangan sanak saudara dan teman rapat di selatan Thailand.

Lahir di Yala pada 1 Januari 1949, Che Som adalah anak tokoh seni makyung, Saman dan Mek Yeh dan berkecimpung dalam ke-



Che Som

senian ini sejak berusia 12 tahun.

Apabila ditanyakan mengapa beliau memilih peran atau lebih tepat lagi peran muda, beliau menegaskan watak sebagai Pak Yong atau Raja tidak sesuai dengan jiwa dan perwatakannya.

Walaupun pernah mencuba menjadi Pak Yong, beliau mempunyai kecenderungan untuk menimbulkan isu atau suasana lucu ketika berlakon. Ini amat bercanggah watak Raja yang serius, gagah dan tampil menarik.

Che Som menegaskan peran wanita yang tersohor sebelum beliau dikenali sebagai Jamilah, na-

mun hanya tinggal dirinya dan seorang lagi pelakon bernama Minah yang mampu membawa watak peran dalam persembahan makyung di selatan Thailand.

Che Som amat terkenal sebagai peran muda sehingga digelar 'Pak Chu Pek'. Gelaran ini dikenali kerana sering ditanya oleh watak Pak Yong atau Raja dalam permainan makyung.

Maksud Pak Chu Pek itu sendiri membawa konotasi lucu dan lucu, iaitu seorang lelaki dewasa yang mempunyai organ kelamin wanita.

Watak 'Pak Chu Pek' sering memakai topi, mempunyai sekerat misai di sebelah kanan sahaja, berpakaian baju dan seluar labuh serta bertongkat.

Dialog dan aksi bersahaja Che Som ketika menjivai peran amat melucukan dan tidak hairan beliau sering dijemput melakonkan watak itu.

Persembahan Che Som yang terakhir disaksikan penulis pada Julai 2019 di Yala bersama kumpulan makyung Seri Bulan Tarian yang dipimpin aktivis budaya

tempatan, Saman Dosormi, di Ke-Meng Folk Museum Chalerm-rajak Cultural Centre, daerah Ramani di Yala, Thailand.

Menurut Che Som, kumpulan makyung tersohor ialah kumpulan Pok Leh, Che Penawar, Ku Som Ku Wok dan Che Muda.

Sehingga kini hanya tinggal kumpulan Kak Wei, Che Jenab dan kumpulan Makyung Seri Bulan Tarian itu sendiri yang masih aktif di selatan Thailand.

Pada Mac lalu, Che Som menghembuskan nafasnya yang terakhir di Yala. Berkemungkinan besar pupus primadona peran wanita dalam persembahan makyung.

Tiada pelapis baharu yang berbakat dan bakal menggantikan beliau untuk melakonkan watak peran dalam persembahan makyung.

Kehilangan Che Som memberikan tamparan hebat bukan sahaja kepada kesenian makyung di selatan Thailand, malah kebimbangan berakhirnya persembahan kesenian teater tradisional Melayu makyung di negeri Thailand secara amnya.